

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 SEPTEMBER 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI tawar bantuan kepada usahawan tingkatan produk makanan untuk eksport	BERNAMA
2.	Expertise in nanotechnology	The Sun
3.	Penipuan, pencerobohan, gangguan siber dahului senarai insiden keselamatan siber	BERNAMA
4.	Jenayah siber di Malaysia rekodkan 6,734 kes setahun	KOSMO
5.	CyberSecurity terima 6,800 aduan keselamatan siber	Harian Metro
6.	6,800 kes jenayah siber di Malaysia	Utusan Malaysia
7.	6,800 kes jenayah siber dilaporkan sehingga Julai	Berita Harian
8.	6,800 cyber security incidents reported	New Straits Times
9.	Many cases of open burning despite ban	The Star
10.	Lingering unhealthy API levels	Malay Mail
11.	Tiga negeri catat IPU tidak sihat	Berita Harian
12.	Dapat rawatan segera sekiranya alami simptom penyakit berkaitan jerebu	BERNAMA
13.	Haze reaches unhealthy levels in 3 states	New Straits Times
14.	Sustaining natural rubber industry	New Straits Times
15.	Ribut petir di Perairan Reef North dan Layang-layang sehingga awal pagi	BERNAMA
16.	Seminggu diperlukan untuk siasat	Utusan Malaysia
17.	Siasatan mungkin jadi lebih lama	Sinar Harian
18.	Polis perlukan seminggu kenal pasti pemilik kereta terbakar di Hilir Perak	BERNAMA



MOSTI Tawar Bantuan Kepada Usahawan Tingkatkan Produk Makanan Untuk Eksport

Oleh Abigail Lawrence

MELAKA, 7 Sept (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menawarkan bantuan kepada usahawan untuk meningkatkan produk makanan mereka bagi tujuan eksport, kata Timbalan Ketua Setiausaha Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

Beliau berkata kementerian menawarkan pelbagai bantuan, termasuk penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk pembungkusan, kawalan kualiti dan teknik yang dapat menjadikan produk makanan lebih tahan lama untuk eksport.

"Kami menawarkan beberapa pakej yang mungkin dapat membantu mereka dan kami turut memberi mereka peluang untuk mempromosikan produk mereka di luar negara seperti di Milan, Itali di mana pameran produk makanan kini sedang berlangsung.

"Kementerian juga menawarkan pinjaman dan geran kepada mereka yang ingin menaik taraf produk mereka dan mengeluarkan produk makanan dengan inovatif baharu," katanya kepada Bernama selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan dan majlis makan malam pertubuhan bukan kerajaan Tangan Di Atas semalam.

Zulkifli berkata terdapat banyak agensi di bawah kementerian seperti SIRIM yang bersedia membantu usahawan berkenaan dalam menggalakkan mereka menjadi inovatif.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (EDUCATION FOCUS): MUKA SURAT S08
TARIKH : 8 SEPTEMBER 2015 (SELASA)

■ ENGINEERING CORNER

Expertise in nanotechnology

> Dr Suhaila Sanip on creating energy applications

DR SUHAILA Sanip was intrigued by the chemistry of big molecules, namely polymers. She saw the potential in polymers to be the material of the future due to their excellent properties, such as durability and lightweight.

She is now the Director of Education and Research Services at the University of Southampton Malaysia Campus (USMC). Currently teaching Professional Engineering and Functional Materials on the MEng Mechanical programme, she also oversees the operational process of research management, and curriculum quality control based on both Malaysian and UK standards.

Suhaila has managed to secure a Global Partnership Award from the University of Southampton, UK campus to initiate research collaboration between USMC, University Technology Malaysia (UTM) and Nagoya Institute of Technology Japan.

What is the most challenging project you have been involved in?

Nanotechnology came to the forefront of our shores at the beginning of the millennium. I was involved in a big project under the Ministry of Science Technology and Innovation to develop a hydrogen storage medium for fuel cell application.

This led to numerous literature reviews and brainstorming sessions where our team decided to embark on using carbon nanotubes as a medium of storage due to their high absorbency and most importantly, because they are the safest medium.

We were one of the early teams in Malaysia to produce our own homegrown carbon nanotubes. It was such a joy to see the first images of the tiny tubes with my fellow researchers. I then further explored the applications of carbon nanotubes with polymers for the separation of fluids.

This was one of the most challenging projects as we started from zero knowledge and we managed to produce our own carbon nanotubes in the lab.

What are you currently working on?

I am now working on polymer composites, utilising carbon nanotubes and graphene for energy applications. This is part of a collaborative project with UTM and Nagoya Institute of Technology, Japan to develop mixed-matrix membrane (MMM) consisting of inorganic materials such as carbon nanotubes with polymers.

Membranes are used as filters for the separation of both gases and liquids. MMMs are considered new generation materials which possess the synergistic properties of both inorganic and polymeric materials, potentially making them more robust and durable, especially in harsh conditions.

I am also working on a project to develop Thin Film Transparent Graphene Electrode for Organic Solar Cell (OSC) which is awarded by the Ministry of

Higher Education through their exploratory research grant scheme.

New materials such as 1D and 2D graphene has shown potential as the emerging technology for electrodes in organic solar cells. The use of thin film technology in graphene is expected to revolutionise the manufacturing process by reducing cost as the layers become much thinner and less purification processes will be required.

The OSCs, fabricated using thin film graphene, are expected to show a power conversion efficiency of more than 70%, indicating that a graphene indium-free transparent electrode is a potential substitute for the conventional ITO electrode for use in cost-efficient OSCs.

What is your advice for students entering your field of study?

In whichever field students embark in, they must be willing to work hard and play hard in their undergraduate studies. A well-balanced student life is more important than scoring straight As. This will ensure that when they graduate, students will be able to meet the demands of working life, which in reality is much more challenging than studying.

What characteristics are necessary to be a successful engineer?

It is important to be passionate about the subject you are studying as well as to persevere with all the challenges that each subject presents. Always interact with your peers and lecturers as this helps in your studies.

How do you see your students making an impact when they graduate?

I hope the graduates will be able to contribute towards our nation's growth, especially in realising the Wawasan 2020 objectives. With the rapid development of industries in Malaysia, I expect USMC graduates to be the drivers of change in innovation and technology – both in Malaysia and internationally.





Penipuan, Pencerobohan, Gangguan Siber Dahului Senarai Insiden Keselamatan Siber

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- [CyberSecurity Malaysia](#) menerima sebanyak 6,800 laporan insiden keselamatan siber sehingga Julai lepas, dengan penipuan, pencerobohan, gangguan siber mendahului senarai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata sebanyak 2,000 insiden penipuan dilaporkan, diikuti pencerobohan (814 insiden) dan gangguan siber (270 insiden).

Insiden keselamatan siber lain ialah laporan berkaitan kandungan, penghalang perkhidmatan, cubaan pencerobohan, kod berniat jahat, spam dan keterdedahan, katanya.

Amirudin berkata pendedahan kepada risiko ancaman siber kini tinggi berikutan hampir semua sektor awam dan swasta bergantung kepada teknologi komunikasi dan maklumat dalam perkhidmatan dan operasi perniagaan mereka.

Bagaimanapun, CyberSecurity Malaysia tidak mempunyai data penuh mengenai kejadian yang berlaku di Malaysia kerana ia bukan wajib untuk membuat laporan dan individu atau organisasi yang terlibat akan menanganinya sendiri, katanya.

"(Sehubungan itu), kami menggesa orang ramai dan organisasi membuat laporan kerana kami memerlukan untuk memahami dan mengetahuinya dengan lebih lanjut dalam usaha memberi bantuan yang lebih baik," katanya.

Amirudin berkata demikian pada Simposium Keselamatan Fortinet selama sehari dan bersempena dengan Anugerah, Persidangan dan Pameran - Keselamatan Siber Malaysia di sini dari 6 hingga 10 Sept.

Beliau berkata hubungan keselamatan siber yang paling lemah ialah masyarakat dan bukan teknologi.

"Justeru, wujud keperluan masyarakat diberi pendidikan mengenai kesedaran budaya keselamatan yang asas dan tidak sewenang-wenang berkongsi maklumat sulit mereka," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Amirudin berkata, Malaysia menduduki tangga ketiga, berkongsi kedudukan sama dengan Oman dan Australia, dalam Indeks Keselamatan Siber Global 2014 yang dilaksanakan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam kalangan 193 buah negara, dan berada di belakang Amerika Syarikat dan Kanada, yang diumumkan awal tahun ini.

Beliau berkata ia berdasarkan lima indeks -- tadbir urus, undang-undang, teknikal, pembangunan kapasiti dan kerjasama antarabangsa.

Insiden keselamatan siber boleh dilaporkan ke cyber999@cybersecurity.my atau hubungi 1-300-882-999.

-- BERNAMA

Jenayah siber di Malaysia rekodkan 6,734 kes setahun

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR – Sebanyak 6,734 kes jenayah siber membabitkan pelbagai kesalahan direkodkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini berbanding 5,060 kes dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab (**gambar**) berkata, jenayah siber melibatkan spam mencatatkan kes tertinggi iaitu 3,244 kes, penipuan (2,000), pencerobohan (814), gangguan siber (270), kod berbahaya (232) dan percubaan mencaroboh (121).

Menurutnya, jumlah tersebut amat membimbangkan dan perlu dibendung sebelum masalah berkenaan menjadi bala dalam masyarakat dan memberi kerugian kepada negara sekiranya dibiarkan.

“Setiap tahun, jumlah kes serangan

siber yang dilaporkan kepada CyberSecurity sentiasa meningkat terutamanya dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

“Antara sektor utama yang menjadi mangsa serangan siber oleh penggoda dan penjenayah siber adalah perbankan, syarikat telekomunikasi, sektor tenaga malah sektor kerajaan,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Amirudin memberitahu, tahap keselamatan dan ancaman siber di negara ini tidak membimbangkan berdasarkan laporan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa 2014 yang menyatakan Malaysia berada pada kedudukan ketiga daripada 193 buah negara.

“Malaysia berada di tangga ketiga selepas Amerika Syarikat dan Kanada daripada segi tahap keselamatan siber daripada 193 buah negara di seluruh dunia,” katanya.



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 44
TARIKH: 08 SEPTEMBER 2015 (SELASA)

Kuala Lumpur

CyberSecurity terima 6,800 aduan keselamatan siber

CyberSecurity Malaysia menerima 6,800 laporan insiden keselamatan siber sehingga Julai lalu dengan penipuan, pencerobohan, gangguan siber mendahului senarai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, 2,000 insiden penipuan dilaporkan, diikuti pencerobohan (814 insiden) dan gangguan siber (270 insiden).

"Insiden keselamatan siber lain ialah laporan berkaitan kandungan,

penghalang perkhidmatan, cubaan pencerobohan, kod berniat jahat, spam dan keterdedahan," katanya.

Amirudin berkata, pendedahan kepada risiko ancaman siber kini tinggi berikutan hampir semua sektor awam dan swasta bergantung kepada teknologi komunikasi dan maklumat dalam perkhidmatan serta operasi perniagaan mereka.

Bagaimanapun, CyberSecurity Malaysia tidak mempunyai data

penyuh mengenai kejadian yang berlaku di Malaysia kerana ia bukan wajib untuk membuat laporan dan individu atau organisasi yang terbabit akan menangannya sendiri.

Sehubungan itu, kami menggesa orang ramai dan organisasi membuat laporan kerana kami memerlukan untuk memahami dan mengetahuinya dengan lebih lanjut dalam usaha memberi bantuan," katanya. -BERNAMA

Boleh mengancam ekonomi negara

6,800 kes jenayah siber di Malaysia

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 SEPT.

JENAYAH siber dalam negara yang mencatatkan peningkatan ketara dengan 6,800 kes sehingga 30 Julai tahun ini berbanding 5,069 kes dalam tempoh yang sama tahun lalu boleh mengancam ekonomi negara.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, perkara tersebut akan membuatkan pelabur asing bimbang akan keselamatan maklumat dan data penting mereka apabila melabur di negara ini.

"Peningkatan jenayah siber membuatkan pelabur kurang keyakinan untuk melabur di negara ini kerana bimbang akan 'menggadaikan' maklumat penting syarikat atau organisasi mereka terhadap penggadam-penggadam tidak bertanggungjawab ini.

"Antara sektor yang menjadi mangsa serangan siber adalah perbankan, syarikat telekomunikasi, sektor tenaga malah sektor kerajaan juga menjadi tumpuan penggadam dan penjenayah siber," katanya dalam sidang akhbar berkenaan ancaman siber dalam negara di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus syarikat penyedia keselamatan rangkaian, Fortinet, Michelle Ong.

Tambah Amirudin, pihaknya sentiasa bersedia menghadapi penjenayah siber dengan mengemas kini perisian dan berhubung rapat dengan agensi lain seperti Fortinet untuk menghadapi ancaman yang datang dari dalam dan luar negara.

"Walaupun berada di tangga ketiga Indeks Keselamatan Global 2014 antara 193 buah negara, kami sentiasa membuat penambahbaikan dan mengambil langkah berjaja-



Antara sektor yang menjadi mangsa serangan siber adalah perbankan, syarikat telekomunikasi, sektor tenaga malah sektor kerajaan juga menjadi tumpuan penggadam dan penjenayah siber."

AMIRUDIN ABDUL WAHAB
Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia

ga-jaga untuk memastikan penjenayah siber tidak dapat menembusi sistem keselamatan kita.

"Apa yang lebih penting ialah kesedaran individu untuk melindungi data penting seperti kata laluan yang membolehkan penggadam mempunyai akses kepada dokumen syarikat atau maklumat peribadi," katanya.

Mengulas mengenai ugutan penggadam yang menggelarkan diri mereka *Anonymous Malaysia* baru-baru, Amirudin berkata, beliau memandang serius ancaman yang disifatkan sebagai sia-sia itu.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B2
TARIKH : 8 SEPTEMBER 2015 (SELASA)

6,800 kes jenayah siber dilaporkan sehingga Julai

Pendedahan kepada risiko ancaman siber menyaksikan trend meningkat di Malaysia apabila 6,800 kes jenayah siber dilaporkan setakat Julai lalu, dengan penipuan, pencerobohan dan gangguan siber menduduki tiga senarai teratas.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata sebanyak 2,000 laporan diterima membabitkan 2,000 penipuan, diikuti pencerobohan (814) dan gangguan siber (270).

Katanya, peningkatan pendedahan kepada risiko ancaman siber itu berikutan hampir semua sektor awam dan swasta kini semakin bergantung kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam operasi perniagaan serta perkhidmatan mereka.

Kes semakin meningkat

Beliau berkata, berikutan kes jenayah siber semakin meningkat, organisasi dan orang ramai perlu melaporkan sebarang insiden membabitkan jenayah terbabit supaya tindakan atau langkah bersesuaian dapat diambil bagi mengelakkannya terus berkembang.



Amirudin Abdul Wahab

“CyberSecurity Malaysia tidak mempunyai data penuh mengenai kejadian yang berlaku di Malaysia kerana ia bukan wajib dilaporkan. Individu atau organisasi yang terbabit boleh menanganinya sendiri dengan berusaha meningkatkan tahap keselamatan sistem pengkomputeran mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media Simposium Keselamatan Fortinet sempena Pameran, Persidangan dan Anugerah Cyber Security Malaysia 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Bekerjasama tangani kes jenayah

Amirudin berkata, Cyber Security sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan bagi menangani kes jenayah siber di negara ini dan pihaknya turut mempunyai pasukan tindak balas khas, MyCERT untuk membantu menyelesaikan kes serangan siber.

Katanya, berdasarkan Indeks Keselamatan Siber Global terkini 2014, Malaysia berada di kedudukan ketiga berkongsi dengan Oman dan Australian dari segi negara yang mempunyai tahap tertinggi komitmen kepada keselamatan siber.

Beliau berkata, ranking itu diukur berdasarkan lima kriteria iaitu tadbir urus, perundangan, teknikal, pembinaan keupayaan dan kerjasama antarabangsa.

“Kajian itu dilakukan oleh Kesatuan Telekom Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membabitkan 193 negara, dengan Amerika Syarikat (AS) dan Kanada menduduki dua senarai teratas,” katanya.

6,800 cyber security incidents reported

KUALA LUMPUR: CyberSecurity Malaysia has received 6,800 cyber security incident reports as of July this year, with fraud, intrusions and cyber harassment topping the list.

Its chief executive officer, Dr Amirudin Abdul Wahab, said 2,000 fraud incidents were reported, followed by intrusions (814 incidents) and cyber harassments (270 incidents).

Other incidents were content-related, denial of service, intrusion attempt, malicious codes, spam and vulnerabilities reports.

He said exposure to the risk of cyber threat was higher as private and public sector entities were increasingly dependent on the information and communication technology in their business operations and services.

However, he said, CyberSecurity Malaysia did not have the full data of the incidents that happened in Malaysia as it was not mandatory to report an incident.

Cyber security incidents can be reported to cyber999@cybersecurity.my or call 1-300-882-999. **Bernama**

Many cases of open burning despite ban

317 incidents recorded
from Aug 31 to Sept 4



PETALING JAYA: Over 300 cases of open burning, forest and peat fires nationwide were recorded from Aug 31 to Sept 4.

A check with the Fire and Rescue Department's website revealed 317 cases for the period.

This is despite the ban on open burning in several states.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the order to ban open burning in states such as Selangor, Malacca, Negri Sembilan, Kuala Lumpur and Putrajaya had been enforced since March last year.

He said the notice prohibits all form of open burning in those areas except for cremation, religious purposes, barbecue and flaring.

"The order is still enforced till today," he said in a statement yesterday.

Dr Wan Junaidi also said based on the Hysplit Model to predict the haze conditions used by the Malaysian Meteorological Department on Sept 6, smoke from hotspots in south Sumatra is expected to spread across the Straits of Malacca towards the middle of the peninsula.

"The haze is expected to travel across Pahang and to Johor in

The haze is expected to travel across Pahang and to Johor in the next 48 hours.

Datuk Seri Dr Wan Junaidi

the next 48 hours.

"The smoke from the hotspots in West Kalimantan is expected to travel to the west of Sarawak and then head towards Sabah in the next 48 hours as well.

"Haze from hotspots in East Kalimantan is expected to move across the east coast of Sabah in the next 24 to 48 hours," said Dr Wan Junaidi.

Yesterday, seven locations around the country recorded deteriorating air quality according to the DOE's website.

Among the areas are Muar in Johor, Malacca city as well as Batu Muda and Cheras in Kuala Lumpur.



Haze ground zero:
See Page 24

Lingering unhealthy API levels

By Shafina Sukiman
and Dan Guen Chin
mmnews@mmail.com.my

PETALING JAYA — The southern states of Malaysia are recording a longer period of unhealthy air pollutant index (API) readings, with Muar having unhealthy readings from as early as 4am yesterday.

Throughout the day, seven areas recorded an API reading above 100, with Bukit Rambai, Malacca topping the list at 120 at 6pm.

At 5pm, the areas with unhealthy API were Bandaraya Melaka (118), Bukit Rambai (119), Nilai (117), Batu Muda (102c) and Putrajaya (103c).

The 'c' in the API reading refers to formation of ozone on the earth's surface, which is influenced by sunlight, nitrogen oxides and volatile organic compounds discharged from vehicles and industries.

There were no local hot spots recorded while Kalimantan had 132 and Sumatra had one.

Meteorological Department meteorologist Dr Mohd Hisham Anip attributed the API levels to the current wind direction that is coming from the south, blowing northwards towards Malaysia.

"Northern states may see a slight improvement as the wind may temporarily change direction from the west to the east," he said.

He added that the number of hotspots in Sumatra may not be accurate as the Asean Specialised Meteorological Centre satellite is only able to monitor a portion of Sumatra.

On whether cloud-seeding would be an option to reduce the API levels, he said that an area needed to have an unhealthy API reading for 72 consecutive hours before they could do so.

Department of Environment Director-General Datuk Halimah Hassan, said in a statement she had written letters to her counterpart in the Ministry of Environment and Forestry, Indonesia, to express concern over the increasing number of hot spots in Sumatra and Kalimantan, which has led to the haze.



The haze situation in the vicinity of the KL International Airport at 2pm yesterday. — Picture by Zuraneeza Zulkifli

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar is set to meet his Indonesian counterpart in Jakarta at the earliest possible date to negotiate a memorandum of understanding between the two countries regarding a transboundary haze pollution prevention programme.

In Johor Baru, Health and the Environment executive councillor Datuk Ayub Rahmat advised people in the district to

stay indoors and reduce their outdoor activities, given the current situation.

The haze situation in Johor is at a moderate level, except for Muar.

"Open burning is not allowed and factories which emit smoke should reduce their production. Stay indoors and drink more water. I hope the situation will improve over the next two days with a little rain forecast over the district," he said.

He added that the government knew

of the impending haze situation given Muar's proximity to Sumatra.

"Two days ago, we received reports of the situation in Sumatra and given the direction of the wind, we are now faced with the situation. We also received reports that the hot spots are getting less in Sumatra and in the next 24 or 48 hours, with rain forecast and a change in the direction of the wind, the haze will clear," he added.

Tiga negeri catat IPU tidak sihat

» Kebakaran tanah, hutan di Sumatera punca jerebu

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar, Mohd Roji Kawi, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Ifwan Tun Tuah, S Anand Kumar, Zanariah Abd Mutalib, Ahmad Suhail Adnan, Fazrol Nasir dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Beberapa kawasan di Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akibat jerebu.

Setakat jam 5 petang semalam, IPU di bandar raya Melaka pada 118 dan Bukit Rambai 119, manakala di Negeri Sembilan, IPU di Nilai mencecah 117 dan Seremban 109, IPU di Batu Muda, Kuala Lumpur 102 dan Putrajaya 103.

IPU sifar hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (seederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (amat tidak sihat) dan lebih 301 (berbahaya).

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan berkata jerebu sekitar Lembah

Klang dan selatan Pantai Barat Semenanjung berpunca daripada kebakaran tanah dan hutan di Sumatera serentak cuaca kering yang dijangka berakhir apabila bermula musim peralihan monsun, Oktober ini.

Pembenihan awan

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail pula berkata, pihaknya bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan melaksanakan pembenihan awan jika IPU mencatatkan bacaan tidak sihat selama 72 jam berturut-turut.


Di Negeri Sembilan, Pengarah JAS negeri, Ruslan Mohamad, berkata jerebu di Nilai dan Seremban mencatatkan bacaan tidak sihat, masing-masing 116 dan 107, manakala Port Dickson berada pada tahap sederhana, iaitu 94 sehingga jam 3 petang semalam.

Di Putrajaya, IPU menunjukkan kualiti udara mencecah paras tidak sihat dengan bacaan lebih 100 petang semalam. Bacaan IPU pada jam 12 tengah hari pada 74, iaitu paras sederhana sebelum meningkat 103 pada jam 5 petang.

Di Melaka, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Sha'ee Yasin, berkata jerebu di bandar raya Melaka dan Bukit Rambai disebabkan enam titik panas yang dikesan di Sumatera serta 333 titik panas lagi di Kalimantan.

INFO

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Semenanjung 7 September 2015
(Setakat jam 5 petang)



Elak pembakaran terbuka

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron menasihatkan penduduk tidak melakukan pembakaran terbuka bagi mengelak pencemaran udara dan jerebu lebih teruk.

Di Kuantan, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abdul Razak, berkata

kualiti udara di negeri itu masih baik dengan IPU di tiga kawasan mencatatkan bacaan sederhana, iaitu bawah 100 di Balok Baru, Indera Mahkota, Kuantan dan Jerantut.

Di Johor Bahru, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata jerebu di kebanyakan kawasan di Johor pada tahap sederhana, kecuali Muar yang mencatatkan IPU tidak sihat setakat jam 4 petang semalam.

Di Kuala Terengganu, Pengarah Jabatan Meteorologi negeri, Jenuwa Husin, berkata hanya Kemaman sedikit terjejas dengan jarak penglihatan direkodkan

adalah 8,000 meter, berbanding 7,000 meter sebelum ini, namun semakin pulih berikutan hujan kelmarin.

Di Kuching, stesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak di Kuching, Samarahan, Sarikei dan Sri Aman, mencatatkan bacaan IPU sederhana, antara 55 hingga 82 sehingga jam 3 petang semalam, menurun berbanding jam 11 pagi sebelum itu.

Di Butterworth, Pengarah JAS negeri, Nor Hayati Yahya, berkata, jerebu di Pulau Pinang semakin pulih dengan bacaan IPU dicatat sederhana, antara 58 hingga 54 dan keadaan itu turut dibantu hujan yang turun sejak beberapa hari lalu.



Keadaan jerebu yang dirakam di ibu negara, semalam.

[FOTO HAFIZ SOHAIDI/BH]



Keadaan jerebu di Putrajaya pada jam 1 tengah hari semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



Dapat Rawatan Segera Sekiranya Alami Simptom Penyakit Berkaitan Jerebu



Dr Lokman Hakim Sulaiman

Oleh Yasmin Abdul Manan

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Orang ramai khususnya kanak-kanak dinasihati supaya mendapatkan rawatan segera di klinik dan hospital berdekatan sekiranya mengalami simptom penyakit berkaitan jerebu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata di pihak kementerian pula sentiasa memantau penyakit berkaitan jerebu seperti jangkitan saluran pernafasan, asma dan sakit mata di klinik dan hospital di seluruh negara.



Putrajaya berjerebu

"Justeru, orang ramai tidak perlu bimbang, apa yang penting ialah mengikut saranan langkah-langkah pencegahan yang dikeluarkan kementerian," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Baru-baru ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dilaporkan sebagai berkata cuaca kering dan berjerebu yang melanda negara sekarang diramal berakhir dengan bermulanya musim peralihan monsun pada Oktober depan.

Dr Lokman Hakim berkata buat masa ini tidak ada keperluan untuk mewujudkan sebuah kaunter khas khusus untuk kes penyakit berkaitan jerebu di klinik dan hospital.

Katanya orang ramai juga dinasihati supaya berada di dalam bangunan dan rumah, dan mengurangkan aktiviti di kawasan terbuka.

Dr Lokman Hamim berkata bagi yang perlu berada di luar rumah, mereka diminta memakai penutup hidung dan mulut sebagai langkah pencegahan penyakit berkaitan jerebu.

Sementara itu, **Ketua Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Kwan Kok Foo** berkata ketika ini jabatan belum lagi merancang untuk melaksanakan pembenihan awan bagi menghasilkan hujan untuk membantu mengurangkan kesan jerebu.

Katanya pembenihan awan hanya akan dilaksanakan sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 iaitu tidak sihat dan berlaku tiga hari berturut-turut.

"JMM hanya akan melakukan pembenihan awan apabila perlu mengikut prosedur operasi standard yang diamalkan sebelum ini untuk mengatasi masalah jerebu," katanya.

IPU antara 0 dan 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

-- BERNAMA

Haze reaches unhealthy levels in 3 states

KUALA LUMPUR: Several areas in the peninsula saw their air quality reaching unhealthy levels yesterday.

The worst affected was Malacca, which saw its Air Pollutant Index (API) reading in its state capital and Bukit Rambai reaching 120 and 118 as at 6pm yesterday.

According to readings from the Meteorological Department, the horizontal visibility in the historical state stood at 3km at 6pm, increasing from 1.5km in the morning.

The API reading in Seremban and Nilai were also at unhealthy levels with readings of 108 and 117 as at 6pm.

Thirty-two areas nationwide recorded moderate API readings, and 14 registered "good".

An API reading of between 0 to 50 is categorised as good; 51 to 100 as moderate; 101 to 200 unhealthy; 201 to 300 as extreme; and over 301 as hazardous.

Earlier in the day, several areas in the southern peninsula recorded unhealthy air quality, with Muar, Johor (109), Malacca City (106), Bukit Rambai (105) and Nilai (104).

The Department of Environment said the haze in the morning in the Klang Valley and the peninsula's southwestern coast were due to haze caused by land and forest fires in Indonesia.

It said it would continue to monitor the status and trends of air quality hourly due to the erratic haze and the increase in hot spots in Sumatra and Kalimantan, Indonesia.



Kuala Lumpur shrouded in haze yesterday. Pic by Hafiz Sohaimi

"To address the hot and dry weather, the agencies involved in disaster management are increasing preventive efforts on open burning, which can cause haze.

"The state and local governments as well as landowners are advised to monitor areas that easily and frequently get burned, such as waste disposal sites, forests, peatlands, farms, agricultural and industrial areas.

"They should take measures against those who might conduct open burning," it said.

In Malacca, parents in haze affected areas were advised to get masks for their children sitting the Ujian

Pencapaian Sekolah Rendah exams today.

Chief Minister Datuk Seri Idris Haron made the call yesterday and urged schools to minimise outdoor activities until the situation improved.

In Johor Baru, the district of Muar recorded an API reading of 117 at 1pm yesterday.

This was the first time in days that Muar recorded that level on the API scale as readings had been moderate in the area for the past few days.

Kota Tinggi registered 60, while Larkin Lama (74) and Pasir Gudang (68) were categorised as moderate as at 7pm yesterday.

"Muar residents should drink lots of water, minimise outdoor activities and seek medical attention if the haze affects their health.

"(They should also) wear a mask," said Johor Health and Environment Committee chairman Datuk Ayub Rahmat.

He said the haze in Muar might last for a few days before it subsided provided that there were no more open burning or hot spots in Indonesia or Malaysia.

"The satellite image reading that I have shows the haze in Sumatra has dissipated, but its particles are permeating in the air, thus, it will take days to clear."

Sustaining natural rubber industry

LONG TERM: New strategies are needed to raise smallholders' productivity

I RECENTLY attended a workshop on natural rubber research in Port Dickson. Organised by the International Rubber Research and Development Board (IRRDB), the workshop brought together experts from the international network of rubber research institutes, including Malaysian Rubber Board.

The one-week meeting deliberated on strategic plans for IRRDB from 2015 to 2019. All the chief executive officers of the rubber research institutes attended the workshop, including India, Thailand, Indonesia, Vietnam, Sri Lanka, Cambodia, the

Philippines and Nigeria. One even came from as far away as Colombia.

The IRRDB has been in existence for many years. It acts as a platform for collaborations between the network of natural rubber research institutes, especially in areas of common interest to all parties. In a way, the IRRDB can be looked upon as a global think tank on natural rubber research. It coordinates capacity building among member institutes. All the researches are aimed at sustaining the business of supplying natural rubber to the world. Many industries, such as tyre manufacturers, rely on the material for their business sustenance. The strategic plan is to provide guidance to the IRRDB, especially in investing for the future of natural rubber.

The workshop is timely as the fortune of natural rubber is not at its best. The low world rubber price, for example, is not showing signs of improvement. The unattractive price is attributed in no small measure to the high stocks overhang from Thailand, now the world's leading producer of natural rubber. It has been reported that Thailand has about 300,000 tonnes of unsold stockpile rubber. The stock build-up is due to the low offtake by major importers like China. At the same time, it is not

easy to stop production altogether, especially when small farmers are involved. Selling rubber is often their sole source of income. There are indications that Thailand plans to use a sizeable amount of the rubber for road construction. Admittedly, implementing such exercise is a big challenge.

At home, smallholders that dominate the nation's production of rubber are feeling the pressure of making ends meet. Luckily, the government has eased the pressure by extending financial support. But for how long? It is unsustainable. The nation needs to rethink new approaches to sustain the production of natural rubber by smallholders. The strategies must include reasonably healthy margins for the farmers. This would mean increasing productivity, as well as reducing costs. Relieving the farmers of tax burden would help. One cost that could be dispensed with is the research tax or cess.

When research cess for rubber producers was first imposed in the 1960s, rubber cultivation was dominated by big plantation groups. With ownership of large rubber estates, they were able to absorb the fluctuations in rubber prices. Most of the plantations have moved to the

oil palm business, leaving smallholders to bear the brunt of producing rubber. Smallholders do not have deep pockets to accommodate price shocks. On the other hand, the nation needs to continue producing rubber for the downstream manufacturing of rubber products. Not to mention the rubberwood furniture business, which is lucrative.

If smallholders continue to suffer from poor returns, they may abandon rubber production altogether. This can be devastating for the country because although we are no longer the leading world producer, the income from rubber exports is still substantial. It can generate RM50 billion to RM60 billion annually. Therefore, if we are to continue to rely on smallholders to plant rubber, relieving them of the burden of research tax is one cost-effective step. It may be timely to amend the law.

We should consider getting rubber product manufacturers as well as rubberwood furniture makers to bear the cost of research and development. To these groups, it would be just a small dent on their profits. Then, the rubber business becomes truly sustainable!

The writer is a fellow of the Academy of Sciences Malaysia



DR AHMAD
IBRAHIM



Ribut Petir Di Perairan Reef North Dan Layang-layang Sehingga Awal Pagi

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) mengeluarkan amaran ribut petir yang berlaku di perairan Reef North dan Layang-layang yang dijangka berterusan hingga awal pagi esok, 8 Sept.

Dalam kenyataannya hari ini, jabatan itu menjelaskan keadaan tersebut boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 km sejam dan laut bergelora dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter.

Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil.

Selain itu amaran ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer ekor jerebu turut dikeluarkan bagi sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang yang dijangka berterusan sehingga Rabu, 9 Sept.

Keadaan sama turut berlaku di Selat Melaka dan Sarawak (Kuching serta Rejang).

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH : 8 SEPTEMBER 2015 (SELASA)


Seminggu diperlukan untuk siasat

Oleh ROKIAH ABDULLAH
rokiah.abdullah@utusan.com.my

BAGAN DATOH 7 Sept. - Polis memerlukan sekurang-kurangnya seminggu untuk menyiasat sama ada kereta yang terbakar di ladang kelapa sawit di Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang dekat sini yang ditemukan pagi Jumaat lalu adalah milik Timbalan Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan di Jabatan Peguam Negara, Kevin Anthony Morais.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Mohd. Shuhaily Mohd. Zain berkata, ini kerana bahan-bahan bukti yang ditemukan itu perlu dibawa untuk pemeriksaan lanjut **Jabatan Kimia** serta Unit Forensik di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, pihaknya turut mendapat bantuan syarikat pemegang kontrak membekalkan kenderaan kerajaan iaitu Spanco Sdn. Bhd. dan pasukan daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur untuk membantu siasatan.



MOHD. SHUHAILY MOHD. ZAIN (dua dari kanan) melihat proses siasatan oleh kakitangan Jabatan Kimia Perak ke atas sebuah kereta yang ditemui terbakar menyerupai kenderaan milik Kevin Anthony Morais di Balai Polis Hutan Melintang, Perak, semalam. - BERNAMA

“Kita sedang menunggu pakar-pakar turun. Mereka akan memperhalusi proses kenal pasti bahan bukti tersebut yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

“Namun, kita jangka ia akan

mengambil masa yang agak panjang sekurang-kurangnya seminggu kerana bahan-bahan bukti itu harus dibawa balik oleh mereka untuk dilihat secara teliti,” katanya.

Siasatan mungkin jadi lebih lama

■ SITI KHAIRULNISAH
MOHAMMED BAJURI

HUTAN MELINTANG - Polis akan mengambil masa yang panjang untuk membuat siasatan berkenaan kes kereta terbakar yang ditemui dalam ladang sawit di Kampung Sungai Samak di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, ini kerana bahan-bahan bukti yang ditemui perlu dibawa balik ke makmal **Jabatan Kimia** atau Forensik untuk diperiksa dengan lebih lanjut.

Menurutnya, Jabatan Kimia akan memperhalus proses kenal pasti bahan bukti yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Katanya, selain Jabatan Kimia dan Forensik, pasukan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur akan turun membantu mengenal pasti bahan-bahan bukti terbabit.

"Siasatan semalam (kelmarin), memang kita tidak jumpa apa-apa bahan yang boleh kita kaitkan atau bahan bukti yang ada dalam kereta itu kepunyaan Anthony Kevin Morais.

"Saya tidak menjangka apa-apa penemuan sebarang bukti akan dikeluarkan sama ada hari ini atau esok. Mungkin dalam masa seminggu. Saya tidak boleh kaitkan bahawa kereta itu adalah milik personaliti yang telah diviralkan dan masih terlalu awal untuk pihak polis mengatakan kereta itu



Mohd Shuhaily (kiri) meneliti barangan terdapat di dalam kereta yang terbakar dalam ladang sawit Kampung Sungai Samak, pada pagi Jumaat lalu.

adalah milik personaliti," katanya.

Spekulasi di laman sosial mendakwa, penemuan kereta terbakar dikaitkan dengan kehilangan Timbalan Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan di Jabatan Peguam Negara, Anthony Kevin Morais yang dilaporkan hilang sejak Jumaat lalu.



Kereta terbakar di ladang sawit Kampung Sungai Samak masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Dilaporkan, Kevin Morais yang juga bekas timbalan pendakwa raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu, dilihat meninggalkan kediamannya di Menara Duta pada jam 9 pagi pada hari tersebut untuk ke pejabatnya di Putrajaya dengan memandu sendi-

ri kereta Proton Perdana berwarna kelabu dengan nombor pendaftaran WA6264Q.

Dalam pada itu, Mohd Shuhaily berkata, beliau menolak dakwaan kononnya ada menjumpai bahan bukti kerana semuanya hangus terbakar dan tiada apa yang ditemui.

Jelasnya, laporan kes orang hilang dibuat di Balai Polis Jinjang dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul akan siasat dari aspek mencari orang hilang.

"Manakala, IPD Hilir Perak akan menyiasat kereta yang telah dibakar di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan khianat dengan api," katanya.



Polis Perlukan Seminggu Kenal Pasti Pemilik Kereta Terbakar Di Hilir Perak



ACP Mohd Shuhaily Mohd Zain (kiri) meneliti serpihan daripada kereta yang ditemui terbakar di ladang kelapa sawit Kampung Sungai Samak

HUTAN MELINTANG, 7 Sept (Bernama) -- Polis memerlukan masa sekurang-kurangnya seminggu untuk menjalankan siasatan serta mengenal pasti pemilik kereta yang ditemui terbakar di ladang kelapa sawit Kampung Sungai Samak di Hilir Perak, pada Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak ACP Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata masih terlalu awal untuk mengaitkan kereta itu milik Timbalan Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara Anthony Kevin Morais.

"Berdasarkan hasil siasatan, kita tidak menjangkakan sebarang penemuan untuk hari ini atau esok kerana siasatan kes ini memerlukan masa yang agak lama," katanya pada sidang akhbar di Pusat Operasi Mencari dan Menyelamat di Jeti Hutan Melintang di sini, Isnin.

Beliau berkata bukti yang ditemui perlu di bawa ke **Jabatan Kimia** serta Unit Forensik untuk pemeriksaan lanjut.

"Kita masih menunggu hasil siasatan terperinci daripada Jabatan Kimia dan Unit Forensik yang datang membantu untuk mengenal pasti bahan bukti yang telah hangus terbakar," katanya.

Mohd Shuhaily berkata pihaknya turut mendapatkan bantuan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul serta syarikat Spanco Sdn Bhd untuk menyiasat kes tersebut.

Sementara itu, Mohd Shuhaily menafikan dakwaan kononnya terdapat sebarang dokumen diperoleh di tempat kejadian kerana semuanya telah hangus terbakar.

Morais dikatakan kali terakhir dilihat meninggalkan pangsapurinya di Menara Duta, Kuala Lumpur pada Jumaat lepas untuk ke pejabatnya di Putrajaya.

Beliau dilaporkan memandu kereta Proton Perdana berwarna kelabu dengan nombor pendaftaran WA6264Q.

-- BERNAMA